



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/10/65 (HQ)

### TNB TERUS KOMITED MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Komitmen Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap usaha memelihara dan menghijaukan persekitaran dengan aktiviti menanam pokok diteruskan lagi di melalui program *Tree For A Tree*, kali ini di Bentong, Pahang.

Ia sejajar keprihatinan TNB yang sentiasa mengutamakan kelestarian alam sekitar dalam mana-mana pembangunan yang dijalankan, termasuk dalam pembinaan stesen-stesen janaelektrik serta talian penghantaran.

“Aktiviti menanam pokok di Taman Perindustrian Benus ini adalah lokasi yang ke-15 program *Tree For A Tree* sejak ia mula dilaksanakan pada 2015 ,” kata Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Negeri Pahang, Bahagian Pembahagian TNB, Dato’ Ir. Sharuddin Mohd Simin.

“Ia adalah antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB, berkaitan alam sekitar. TNB amat komited melaksanakan program penghijauan ini di seluruh negara dengan menjadikan *Tree For A Tree* suatu program tahunan Syarikat,” Ir. Sharuddin.

Program dirasmikan Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Bentong, Dato’ Sri Liow Tiong Lai. Turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong, Dato’ Mohammad Shahid Ismail.

Selain pihak berkuasa tempatan, program di Benus turut mendapat kerjasama Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) sebagai rakan alam sekitar dan Majlis Perbandaran Bentong.

Sebanyak 300 daripada 500 anak pokok daripada 12 spesies termasuk Kelat Hitam, Kelumpang Burung, Merawan Siput Jantan, Bintangor Gambut dan Keruing Neram yang berfungsi sebagai pokok teduhan, ditanam di taman ini.

Sebelum ini, program yang sama telah dilaksanakan di 14 lokasi termasuk di Kuala Lumpur, Kuantan, Melaka dan Kangar dengan 1,000 anak pokok daripada jenis teduhan, pokok hutan,

S.A. 2016/10/65 (HQ)

spesis terancam dan yang bersesuaian dengan jenis tanah di taman yang terpilih, ditanam di setiap lokasi.

Termasuk di Bentong, sepanjang tahun ini TNB telah menanam 11,743 anak pokok daripada 89 spesis di taman-taman awam yang terpilih.

**Dikeluarkan di Bentong, Pahang pada jam 10.00 pagi, 14 Oktober 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*